Buletin
Malawati
"Usaha Untuk Rakyat"
Majlis Perbandaran Kuala Selangor www.mpks.gov.my
Mei - Ogos 2022

KARNIVAL KUALA SELANGOR 2022 SEMPENA ULANG TAHUN PERTAMA

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

5 -7 OGOS 2022

Rumah Terbuka Aidilfitri Negeri Selangor Peringkat Daerah Kuala Selangor 3

World Urban Forum 11 (WUF-11) 10

Lawatan Panel Penilai Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 17

Naskah Percuma

Kuala Selangor Indah dan Bersejarah

Aktiviti MPKS
Mei-Ogos 2022

MEI

- Konvoi Ziarah Bekas Kakitangan Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Penyerahan Bot Penyelamat Kepada Pasukan Pantas Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Iftar Ramadan Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Lawatan Permohonan Calon Medan Selera Terbaik di Bawah Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor Bagi Penglibatan Dalam Pertandingan Anugerah Medan Selera, Selamat dan Sihat 2022
- Majlis Perhimpunan Bulanan dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Rumah Terbuka Aidilfitri Negeri Selangor Peringkat Daerah 1443H/ 2022
- Latihan Pengguna Pengurusan Aduan Awam PBT- Negeri Selangor (Majlis Perbandaran Kuala Selangor)
- Program Senaman Pagi Sempena Program Cabaran 100 Hari Weight Loss Challenge 2022
- Kursus Pengenalan Kelip-Kelip 2022
- Kursus Pengucapan Awam dan Protokol Serta Etiket Bagi Majlis Rasmi

JUN

- Majlis Pelancaran Benih Tanaman Selangor
- Majlis Pelancaran Selangor Public Health Advisory Council (SELPHAC)
- Operasi Penangkapan Lembu Kambing di Kawasan Awam Sekitar Daerah Kuala Selangor
- Mesyuarat Jawatankuasa Bantahan Cukai Taksiran Bil.1/2022
- Jelajah Jaminan Kerja Negeri Selangor
- Kempen Pencegahan Denggi dan Kawalan Aedes di Kawasan Keutamaan Denggi
- Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Kuala Selangor ke Majlis Bandaraya Kuantan, Pahang
- Operasi Bersepadu Kilang Baja di Bagan Tengkorak Tanjong Karang
- Perhimpunan Pagi Bil.4/ 2022 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Program Menembak Gagak 2022
- Sesi Penilaian Majlis Persada Inovasi Negeri Selangor
- Kursus Latihan Kebakaran MPKS
- "World Urban Forum 11 (WUF-11)" Di Katowice, Poland
- Bengkel Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MPKS
- Ops Lalat Kolam Penternakan Ikan di Sungai Yu

JULAI

- Jelajah Selangor Penyayang Peringkat Daerah Kuala Selangor
- Program Bandar Bebas Halangan Peringkat Daerah Kuala Selangor Siri 1/2022
- Mesyuarat Pegawai Ahli Jawatankuasa Pegawai Perhubungan Pelancongan Negeri Selangor Bil 1/2022
- Audit Pensijilan Semula Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) MPKS
- Perasmian Publisiti Awal Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2035 (Penggantian)
- Operasi Tomyam di Sekitar Kuala Selangor
- Program Qurban Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2022
- "Team Building" Ahli Majlis dan Kumpulan Pengurusan
- Kejohanan Bola Jaring Terbuka Dan Jemputan Piala Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2022
- Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Kuehne Nagel Di Pantai Remis
- Lawatan Kerja UiTM Ke Produk Pelancongan Kuala Selangor Untuk Kerjasama Skim Geran Penyelidikan Fundamental
- Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Setengah Tahun 2022, Semakan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) dan Kajian Semula Bajet 2022
- Operasi Tomyam Sekitar Bandar Kuala Selangor
- Penyerahan Set Komputer Kepada Sekolah-Sekolah Terpilih Dalam Daerah Kuala Selangor

OGOS

- Program Kerja Berpasukan Pegawai Gred 29-36 Siri 1 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Lawatan Panel Penilai Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan Ke Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Karnival Kuala Selangor 2022 Sempena Ulang Tahun Pertama Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Program Tanggungjawab Sosial Korporat Pantai Remis oleh Vision College
- Operasi Kedai Tomyam Sekitar Pekan Assam Jawa
- Program Lawatan Pengurusan Teknikal MPKS Berkaitan Pengurusan Pengkomposan dan Kitar Semula di Fasiliti Inovasi Kitar Semula Putrajaya
- Mesyuarat Jawatankuasa Temuduga Sewaan Bil.3
- Program Kerja Berpasukan Pegawai Gred 29-36 Siri 2 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri Selangor
- Kejohanan Dart Beregu dan Perseorangan Lelaki dan Wanita Piala Ydp Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Perasmian Sukan Bola Jaring Sempena Karnival Sukan Antara Fasa (SUKAF) 2022 Bandar Puncak Alam
- Lawatan Tapak dan Kaji Selidik Bagi Cadangan Pengkelasan Kawasan Perindustrian Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Bengkel "Fokus Group Discussion" Belanjawan 2023 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Lawatan Kerja Teknikal Pasar Sejahtera ke Pasar Chowrasta Pulau Pinang
- Latihan Juruaudit Dalam MS-ISO 9001:2015 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Bakti Rakyat Penanaman Pokok Berembang dan Pembersihan Sungai
- Program Santai Ketua Setiausaha Negara Bersama Penjawat Awam Negeri Selangor
- Program Latihan Pembangunan Penjaja Mikro Selangor
- Seminar Kuala Selangor Merintis Pembangunan Lestari : Pengurusan Pelan Pemajuan Secara Holistik
- Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) Peringkat Daerah Kuala Selangor 2022
- Program Kerja Berpasukan Pegawai Gred 19-26 Siri 1 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri Selangor

Sidang Redaksi BULETIN MALAWATI

Penaung
Puan Rahilah binti Rahmat *SMS, AMS,*
ydp@mpks.gov.my

Penasihat
TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar *AIS, PPC,*
myusli@mpks.gov.my

Editor
Puan Norrini binti Mohd Ladzim
norrini@mpks.gov.my

Pengarang
Encik Aliff Amani bin Jumeren
aliff@mpks.gov.my

Penolong Pengarang
Encik Hisyamuddin bin Zakaria
hisyamuddin@mpks.gov.my

Jurufoto, Rekabentuk dan Susunan
Encik Norirwan Sahril bin Mohmed Mogi
irwanshah@mpks.gov.my

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN

DAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

19 Mei 2022

Kemeriahan sambutan Aidilfitri pasca pandemik Covid-19 disambut dengan penuh kesyukuran menerusi Majlis Perhimpunan Bulanan Aidilfitri MPKS yang berlangsung di Dewan Bandar Baru, Kuala Selangor.

Didalam majlis tersebut, setiap jabatan dan unit MPKS telah mempersembahkan lagu-lagu Aidilfitri. Jabatan Pelesenan telah dipilih sebagai pemenang persembahan.

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

RUMAH TERBUKA AIDILFITRI NEGERI SELANGOR

PERINGKAT DAERAH 1443H 2022

20 Mei2022

Rumah Terbuka Aidilfitri Selangor di Terminal Bas Bandar Melawati berlangsung meriah dengan kehadiran lebih 5,000 pengunjung berbilang bangsa. Program bermula jam 3 petang diserikan dengan kehadiran Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin bin Shari dan isteri Datin Seri Masdiana Muhamad.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Haris bin Kasim, Speaker Dewan Negeri Selangor Ng Suee Lim, Pegawai Daerah Kuala Selangor Mohd Raiz bin Radzuan, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor Rahilah binti Rahmat dan Orang Besar Daerah Kuala Selangor, Dato' Mohamad Yaacob bin Dato' Ismail.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

PROGRAM SENAMAN PAGI SEMPENA PROGRAM CABARAN 100 HARI WEIGHT LOSS CHALLENGE 2022

27 Mei 2022

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

KURSUS PENGENALAN KELIP-KELIP 2022

29 Mei 2022

FRIM dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor dengan sokongan Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor, telah menganjurkan Kursus Pengenalan Kelip-Kelip 2022 pada 29 Mei lalu di Pusat Santuari Kelip-kelip Kampung Kuantan.

Kursus ini merupakan salah satu output yang disasarkan di bawah projek penyelidikan Kajian Keperluan Habitat Siput dan Kajian Pemantauan Populasi Kelip-Kelip di Sungai Selangor, Kuala Selangor.

Seramai 27 orang peserta yang terdiri daripada pendayung sampan Pusat Santuari Kelip-kelip Kampung Kuantan, Rakan Pelancongan MPKS serta operator pelancongan kelip-kelip sekitar Kuala Selangor menyertai kursus tersebut. Tenaga pengajar ialah Veronica Khoo dan Dr Nada Badruddin.

Sumber : Unit Pelancongan

MAJLIS PELANCARAN SELANGOR
PUBLIC HEALTH ADVISORY COUNCIL (SELPHAC)

7 Jun 2022

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

OPERASI PENANGKAPAN LEMBU KAMBING
DI KAWASAN AWAM SEKITAR DAERAH KUALA SELANGOR

8 Jun 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menjalankan operasi pemantauan dan penangkapan haiwan ternakan yang berada di kawasan laluan awam dan perumahan pada 8 Jun 2022. Operasi ini dijalankan di sekitar kawasan Bestari Jaya, Ijok dan Jeram. Sebanyak satu ekor lembu di kawasan Bestari Jaya telah berjaya ditangkap dan disita.

Operasi ini dijalankan dengan kerjasama Ibupejabat Polis Daerah Kuala Selangor dan masyarakat disarankan untuk menyalurkan aduan berkaitan perkhidmatan MPKS secara dalam talian di selangor.spab.gov.my atau hubungi 03-3289 1439.

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

JELAJAH JAMINAN KERJA NEGERI SELANGOR

11-12 Jun 2022

Lebih 1,000 pencari kerja mendaftar menerusi Jelajah Jaminan Kerja (JobCare) Selangor di Dewan Dato' Hormat, Tanjong Karang. Siri jelajah ini menawarkan 3,000 peluang pekerjaan kepada rakyat negeri ini dengan disertai lebih 15 syarikat tempatan dalam pelbagai sektor.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

KEMPEN PENCEGAHAN DENGGI DAN KAWALAN AEDES DI KAWASAN KEUTAMAAN DENGGI

11 Jun 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor dan Jawatankuasa Penduduk Seri Pristana 3 telah mengadakan Kempen Pencegahan Denggi/ Kawalan Aedes di Kejiranan SP 3, Seri Pristana. Program ini diadakan bertujuan memberi kesedaran kepada penduduk yang tinggal di kawasan hotspot denggi untuk menjalankan gotong-royong kendiri membersihkan kawasan tempat tinggal masing-masing.

Program ini turut dihadiri oleh Encik Ma'arof bin Salaman, Ahli Majlis Zon 23, Saujana Utama dan Encik Jefriee bin Ab Manaf, Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKS serta Encik Ahmad Roshmady bin Ahmad Kamal, Penolong Pegawai Kesihatan Kanan PKDKS.

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

LAWATAN KERJA MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR
KE MAJLIS BANDARAYA KUANTAN, PAHANG 13-14 Jun 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Bandaraya Kuantan pada 13–14 Jun 2022. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai pembangunan, pengoperasian dan penyelenggaraan serta perkara-perkara berkaitan produk pelancongan di Bandaraya Kuantan khususnya Pusat Pelancongan Zoo Teruntum, Kuantan.

Kunjungan rasmi ini adalah inisiatif dan komitmen MPKS untuk mempelbagaikan produk-produk pelancongan baharu di daerah Kuala Selangor sekaligus menambah rantaian yang sediada. Delegasi lawatan MPKS diketuai oleh Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS dan disambut oleh YH. Dato' Hajah Hamiza binti Hamzah, Setiausaha Majlis Bandaraya Kuantan.

Sumber : Unit Pelancongan

OPERASI BERSEPADU KILANG BAJA
DI BAGAN TENGKORAK TG. KARANG 14 Jun 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menjalankan operasi bersepadu terhadap sebuah kilang baja di Bagan Tengkorak, Tanjung Karang pada 14 Jun 2022. Operasi ini dijalankan berikutan aduan orang awam mengenai gangguan bau busuk yang dihasilkan oleh kilang tersebut yang memproses sisa ayam sebagai baja pertanian.

Operasi ini melibatkan 15 orang anggota dan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar dan Ibupejabat Polis Daerah Kuala Selangor.

Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

PERHIMPUNAN PAGI BIL.4/ 2022

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

17 Jun 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Perhimpunan Pagi Bil. 4/2022 yang telah dihoskan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan di Dewan Sri Siantan, Ibupejabat MPKS.

Ucaptama perhimpunan ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha, Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS dan perhimpunan ini turut dihadiri oleh Setiausaha MPKS, TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, ketua-ketua jabatan/unit serta kakitangan MPKS.

Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

PROGRAM MENEMBAK GAGAK 2022

18 Jun 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menjalankan operasi Menembak Gagak Siri 1/ 2022 pada 18 Jun 2022 di sekitar Daerah Kuala Selangor. Operasi melibatkan 14 orang penembak berlesen ini bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 8.00 malam telah berjaya menembak sebanyak 2,531 ekor burung gagak dan telah dilupuskan.

Tindakan yang agresif melalui operasi menembak telah diambil untuk membanteras spesies perosak itu. Orang ramai turut disarankan agar sentiasa memberikan kerjasama untuk menjaga kebersihan dalam mengelakkan populasi burung gagak kembali bertambah. Operasi ini dijalankan dengan kerjasama Ibupejabat Polis Daerah Kuala Selangor dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kuala Selangor.

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

SESI PENILAIAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

22 Jun 2022

Tiga kumpulan yang mewakili Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah membentangkan produk inovasi di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sempena Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

KURSUS LATIHAN KEBAKARAN MPKS

24 Jun 2022

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

WORLD URBAN FORUM 11 (WUF-11)

22 Jun-1 Julai 2022

Yang Berusaha, Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS telah mengetua delegasi Majlis Perbandaran Kuala Selangor ke persidangan antarabangsa - World Urban Forum Sesi ke-11 (WUF11) selama lima hari, bermula 26 hingga 30 Jun 2022 di Katowice, Poland.

Bertemakan 'Transforming Our Cities, For A Better Urban Future', WUF11 merupakan sebuah forum antarabangsa yang dianjurkan oleh UN Habitat setiap dua tahun dan merupakan satu platform antarabangsa bagi bertukar-tukar pandangan dan pengalaman mengenai cabaran perbandaran.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

BENGKEL PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM) DAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) MPKS

27 Jun 2022

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

OPS LALAT DI KOLAM PENTERNAKAN IKAN DI SUNGAI YU

28 Jun 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menjalankan Operasi Bersepadu Kacauganggu Lalat di Kolam Ternakan Ikan di Sungai Yu, Tanjung karang pada 28 Jun 2022. Operasi dijalankan berikutan aduan penduduk sekitar mengenai kacauganggu lalat di kawasan tersebut.

Operasi ini melibatkan sejumlah 24 orang anggota dengan kerjasama Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Selangor dan Jabatan Perikanan Daerah Kuala Selangor.

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

JELAJAH SELANGOR PENYAYANG

2 Julai 2022

Ribuan pengunjung memeriahkan Jelajah Selangor Penyayang di Stadium Utama Kuala Selangor. Pelbagai acara menarik dijalankan sejak awal pagi antaranya senamrobik, pertandingan sukan rakyat, pertandingan mewarna dan pertandingan e-sukan Mobile Legend dan Fifa dihadiri lebih 5,000 pengunjung.

Jelajah kali ini bertujuan mempromosi pelbagai inisiatif kebajikan rakyat dengan penyertaan 23 anak syarikat Kerajaan Negeri. Inisiatif itu dijayakan menerusi peruntukan RM350 juta di bawah Iltizam Selangor Penyayang menggantikan Inisiatif Peduli Rakyat supaya lebih ramai penduduk memperoleh manfaat disediakan Kerajaan Negeri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari melancarkan majlis perasmian program seterusnya menyerahkan bantuan kepada penerima Iltizam Selangor Sihat, Bantuan Sihat Selangor, Peduli Sihat Penjawat Awam dan Anugerah Kampung Terbaik daerah Kuala Selangor.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

PROGRAM BANDAR BEBAS HALANGAN

PERINGKAT DAERAH KUALA SELANGOR SIRI 1/2022

4 Julai 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Program Bandar Bebas Halangan Peringkat Daerah Kuala Selangor Siri 1 Tahun 2022 di Dewan Berembang, Pusat Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan.

Majlis ini diadakan bertujuan ke arah bandar bebas halangan atau Barrier-Free, iaitu bandar yang bebas daripada sebarang halangan berkait dengan kemudahan infrastruktur, bangunan dan lain-lain kemudahan awam yang sesuai digunakan oleh pelbagai lapisan masyarakat, termasuklah golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Sesi perkongsian telah disampaikan oleh Cik Faezah binti Abdul Aziz, Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MPKS dan sesi perkongsian kedua telah disampaikan oleh Encik Murugeswaran Veerasamy, Presiden Persatuan Damai OKU Malaysia. Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.

Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

MESYUARAT PEGAWAI AHLI JAWATANKUASA

PEGAWAI PERHUBUNGAN PELANCONGAN NEGERI SELANGOR BIL 1/2022

5 Julai 2022

Sumber : Unit Pelancongan

AUDIT PENSIJILAN SEMULA EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) MPKS

5-7 Julai 2022

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan Lawatan Penilaian Audit EKSA di Ibupejabat Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Sesi audit ini bertujuan untuk menilai persekitaran kerja yang kondusif, selesa selamat dan seragam bagi melahirkan satu budaya kerja yang berkualiti, cekap dan produktif untuk kesejahteraan kakitangan jabatan dan pelanggan. MPKS merakam ucapan terima kasih kepada warga kerja MPKS yang bertungkus lumus sepanjang pelaksanaan EKSA.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

PERASMIAN PUBLISITI AWAL RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2035 (PENGGANTIAN)

6 Julai 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Majlis Perasmian Publisiti Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2035 (Penggantian) di Dewan Bandar Baru, Kuala Selangor. Majlis ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan idea serta pandangan agensi teknikal dan wakil penduduk bagi proses menyediakan kajian Rancangan Tempatan MPKS 2035 (Penggantian) oleh Jabatan Perancangan Pembangunan MPKS bersama-sama PLANMalaysia Selangor. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS.

Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

OPERASI TOMYAM DI SEKITAR KUALA SELANGOR

7 dan 21 Julai 2022

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

PROGRAM QURBAN MPKS 2022

12 Julai 2022

Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi, MPKS telah mengadakan Program Ibadah Korban di Ruang Parkir MPKS. Sebanyak 3 ekor lembu dan satu ekor telah dikorbankan oleh penyumbang di dalam sambutan Aidiladha kali ini. Program diakhiri dengan pengagihan daging setiap kakitangan majlis dan diharap program tersebut akan terus diadakan bagi merapatkan lagi hubungan silaturahim sesama kakitangan MPKS.

Sumber : Kelab Sukan Kebajikan dan Rekreasi

"TEAM BUILDING" AHLI MAJLIS DAN KUMPULAN PENGURUSAN

13-15 Julai 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Team Building Ahli Majlis dan Ketua Jabatan MPKS selama 3 hari bermula 13-15 Julai 2022 di Kampar, Perak.

Kursus ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan aspek bekerja sebagai satu organisasi serta meningkatkan stamina melalui aktiviti lasak seperti ekspidisi Gua Tempurung dan cabaran "Water Rafting" selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan ke 3 "Kesihatan baik dan kesejahteraan", ke 4 "Pendidikan Berkualiti" dan ke 17 "Kerjasama Demi Matlamat".

Semoga kursus ini dapatkan meningkatkan motivasi dan kepimpinan setiap Jabatan/ Unit dan Ahli Majlis untuk memacu MPKS ke arah pengurusan yang mampan dan cemerlang.

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

KEJOHANAN BOLA JARING TERBUKA DAN JEMPUTAN PIALA YANG DIPERTUA MPKS 2022

16 Julai 2022

Tahniah diucapkan kepada para pemenang Kejohanan Bola Jaring Piala Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2022 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Kuala Selangor.

Pasukan Lunatic muncul juara menewaskan pasukan ART NC pada perlawanan akhir dan majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Encik Ahmad Jamzuri bin Mujaini, Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPKS.

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) DI PANTAI REMIS

16 Julai 2022

Sumber : Unit Korporat dan perhubungan Awam

PENYERAHAN SET KOMPUTER KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH TERPILIH DALAM DAERAH KUALA SELANGOR

25 Julai 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menyumbangkan sebanyak 6 unit komputer kepada sekolah-sekolah terpilih dalam daerah Kuala Selangor. Sumbangan ini bertujuan membantu pihak sekolah untuk penggunanaan kemudahan teknologi dalam melicinkan pentadbiran sekolah.

Semoga dengan sumbangan komputer yang diberikan akan membantu sesi pembelajaran murid-murid daerah Kuala Selangor.

Sumber : Unit Teknologi Maklumat

LAWATAN PANEL PENILAI SISTEM PENARAFAN BINTANG

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) SEMENANJUNG DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN KE MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 1 Ogos 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menerima Lawatan Audit Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2022 daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Bilik Mesyuarat Malawati, Ibupejabat MPKS.

Seramai 7 orang panel telah hadir untuk melaksanakan penilaian SPB-PBT dan kunjungan ini diketuai oleh Encik Mohd Faizalnizam bin Md. Zain, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan PLANMalaysia.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

PROGRAM LAWATAN PENGURUSAN TEKNIKAL MPKS

BERKAITAN PENGURUSAN PENGKOMPOSAN DAN KITAR SEMULA DI FASILITI INOVASI KITAR SEMULA PUTRAJAYA 10 Ogos 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan lawatan ke Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS) yang terletak di Presint 5, Putrajaya. Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari proses kitar semula, pengasingan dan pemulihan sisa yang boleh dikitar semula untuk dijadikan sebagai tenaga (Waste to Energy).

Lawatan ini telah diketuai oleh Encik Jefriee bin Abd Manaf, Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKS. Dalam sesi penerangan selama dua jam ini, MPKS telah diberi penerangan mengenai pelbagai inisiatif pengalihan sisa yang dilakukan oleh Kumpulan Alam Flora untuk membantu meningkatkan kadar kitar semula negara dan pengurusan sisa pepejal.

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

KARNIVAL KUALA SELANGOR 2022

TAHUN PERTAMA MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 5-7 Ogos 2022

DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin berkenan berangkat merasmikan Majlis Penutupan Karnival Kuala Selangor 2022 di Dragonfly Park @ Eco Grandeur, Bandar Puncak Alam.

Karnival Kuala Selangor 2022 bermula 5 Ogos hingga 7 Ogos 2022 ini melibatkan tujuh lokasi di daerah Kuala Selangor sempena ulang tahun pertama Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Karnival ini diadakan bertujuan sebagai penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak dengan menganjurkan satu karnival khas yang dirangka pengisiannya khusus untuk orang awam dan penduduk tempatan warga daerah Kuala Selangor.

Karnival ini dilaksanakan selama 3 hari di tujuh lokasi yang berbeza di daerah Kuala Selangor dan menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada pengunjung dan hampir 10,000 orang telah terlibat di dalam aktiviti komuniti, alam sekitar dan sukan serta pengisian rohani sepanjang tiga hari karnival berlangsung.

MPKS turut merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga Kuala Selangor yang telah terlibat dan menerima maklumbalas positif agar karnival ini dapat dijalankan secara tahunan.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

KEJOHANAN DART BEREGU DAN PERSEORANGAN LELAKI DAN WANITA PIALA YDP MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

13-14 Ogos 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menganjurkan Kejohanan Dart Beregu, Perseorangan Lelaki Dan Wanita Piala YDP Majlis Perbandaran Kuala Selangor pada 13-14 Ogos 2022 di Stadium Tertutup, Kompeks Sukan Kuala Selangor.

Sebanyak 142 pasukan terlibat di dalam kejohanan ini yang terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta serta pasukan persendirian untuk merebut hadiah utama RM3,000.00. Pasukan MPKS 'B' muncul juara menewaskan MPKS 'A' pada perlawanan akhir.

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

SUKAN BOLA JARING SEMPENA SUKAF 2022 BANDAR PUNCAK ALAM

14 Ogos 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor merakamkan ucapan tahniah kepada Majlis Permuafakatan Persatuan Penduduk Puncak Alam di atas penganjuran Pertandingan Bola Jaring, Sukan antara Fasa Puncak Alam kali ke 3 (SUKAF 2022).

MPKS berharap agar penganjuran karnival sukan ini dapat mengeratkan silaturahim warga Puncak Alam. Penganjuran Pertandingan Bola Jaring ini telah disertai oleh 7 buah kontinjen yang mewakili fasa-fasa perumahan Bandar Puncak Alam dan telah dirasmikan oleh Yang Dipertua MPKS, Puan Rahilah binti Rahmat.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

BENGKEL "FOKUS GROUP DISCUSSION" BELANJAWAN 2023 MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

17 Ogos 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Bengkel "Focus Group Discussion" Belanjawan 2023 di Eco Grandeur Hall, EcoWorld Bandar Puncak Alam. Sesi ini diadakan untuk mendapatkan pandangan daripada pihak luar samada agensi kerajaan dan swasta bagi menyediakan satu belanjawan yang mampan untuk kawasan pentadbiran MPKS.

Dalam masa yang sama, turut diadakan sesi diskusi yang bertajuk 'Cabaran Menuju Perbandaran Lestari' selaras dengan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang bertemakan 4 teras utama iaitu pengukuhan ekonomi, peningkatan kesejahteraan dan keterangkuman sosial, pemacuan kelestarian dan tadbir urus.

Sumber : Jabatan Perbendaharaan

LAWATAN KERJA TEKNIKAL PASAR SEJAHTERA KE PASAR CHOWRASTA PULAU PINANG

18-20 Ogos 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan lawatan kerja teknikal pasar sejahtera di Pasar Chowrasta Pulau Pinang.

Lawatan ini bertujuan mengetahui kaedah yang praktikal untuk mengamalkan elemen pasar sejahtera. Selain itu, lawatan ini sebagai platform pertukaran idea antara pihak pengurusan pasar Majlis Bandaraya Pulau Pinang - MBPP dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor berkaitan pengendalian pasar dari segi kawalan kebersihan, kesihatan awam, pengurusan keselamatan dan teknikal peniaga untuk pelaksanaan pasar sejahtera di daerah Kuala Selangor.

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

BAKTI RAKYAT PENANAMAN POKOK BEREMBANG DAN PEMBERSIHAN SUNGAI

20 Ogos 2022

Bank Rakyat negeri Selangor kerana telah menjayakan program Bakti Rakyat Penanaman Pokok Berembang dan Pembersihan Sungai. Seramai 60 sukarelawan telah terlibat dan sebanyak 100 pokok berembang telah ditanam bagi meneruskan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta ekosistem kelip-kelip di Santuari Kelip-kelip Kg Kuantan sebagai salah satu khazanah di daerah Kuala Selangor yang menjadi tarikan pelancong.

Pembersihan sungai juga telah berjaya mengumpulkan kutipan sampah sebanyak 272 kilogram. Tanggungjawab Sosial Korporat seperti ini memberikan impak yang tinggi terutama dalam menjaga kehidupan di dalam sungai Selangor.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

PROGRAM SANTAI KETUA SETIAUSAHA NEGARA
BERSAMA PENJAWAT AWAM NEGERI SELANGOR

20 Ogos 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor turut serta dalam Program Santai bersama Ketua Setiausaha Negara di Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan seperti aerobik, persembahan pentas, permainan tradisional seperti congkak, dam haji, sepak takraw, teng-teng serta aktiviti menaiki belon udara panas.

Turut hadir Yang Berusaha, Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS dan warga kerja Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

PROGRAM LATIHAN PEMBANGUNAN PENJAJA MIKRO SELANGOR

22 Ogos 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor dengan kerjasama Platform Selangor (PLATS) telah menganjurkan Program Latihan Pembangunan Penjaja Mikro Selangor pada 22 Ogos 2022, di Dewan MPKS Bandar Baru, Kuala Selangor.

Program ini bertujuan untuk mendedahkan para peserta mengenai asas digitalisasi perniagaan, adaptasi transaksi pembayaran tanpa tunai dan pengurusan media sosial perniagaan serta pelbagai lagi.

Sumber : Jabatan Pelesenan

SEMINAR KUALA SELANGOR MERINTIS PEMBANGUNAN LESTARI : PENGURUSAN PELAN PEMAJUAN SECARA HOLISTIK

23 Ogos 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dengan kerjasama Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi (KSKR), MPKS telah menganjurkan Seminar Kuala Selangor Merintis Pembangunan Lestari: Pengurusan Pelan Pemajuan Secara Holistik di Setia City Convention Centre, Setia Alam.

Seminar ini bertujuan memberi pemahaman serta mendapatkan input-input berkenaan manual dan juga sistem OSC 3.0 Online. Libat urus ini melibat penyertaan daripada Agensi Teknikal Persekutuan, Negeri, PBT, Pemaju dan Perunding Bertauliah. Seminar ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS.

Sumber : Unit Pusat Setempat

ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS)
PERINGKAT DAERAH KUALA SELANGOR 2022

24 Ogos 2022

Penilaian awal Anugerah Inovasi Negeri Selangor tahun 2022 Peringkat Daerah Kuala Selangor yang berlangsung di Dewan Bandar Baru, Kuala Selangor.

Penilaian awal ini melibatkan 12 kumpulan yang terdiri daripada Sektor Awam (PBT), Sektor Awam (Agensi Lain) dan Institusi Pengajian Tinggi serta Sekolah.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

OPERASI BERSEPADU AKTIVITI PELUPUSAN SAMPAH HARAM DI BAGAN PASIR TANJUNG KARANG

25 Ogos 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menjalankan operasi bersepadu aktiviti pelupusan sampah haram di Bagan Pasir, Tanjung Karang pada 25 Ogos 2022. Pihak Majlis telah mengambil tindakan membersihkan sampah menggunakan 2 mesin jengkaut dan telah mengeluarkan sejumlah 16 tan sampah daripada kawasan tersebut. Pemilik tanah turut mengambil inisiatif menambak tanah di laluan masuk ke kawasan tersebut bagi mengelakkan masalah ini berulang.

Tindakan pembersihan ini dijalankan di bawah Undang-Undang Kecill 4 Pemungutan Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap MDKS 2007. Operasi ini dijalankan melibatkan 40 orang kakitangan dengan kerjasama Ibupejabat Polis Daerah Kuala Selangor dan KDEB Waste Management.

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN

PERINGKAT NEGERI SELANGOR

30 Ogos 2022

Sambutan Hari Kebangsaan ke-65 Peringkat Negeri Selangor Tahun 2022 yang telah berlangsung di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam. Pelbagai acara telah diadakan seperti perarakan kontinjen, persembahan anggota beruniform dan pertunjukan bunga api.

Majlis telah disempurnakan oleh YAB. Dato' Seri Amiruddin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir Yang Berusaha, Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS dan kontinjen perbarisan MPKS.

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan